

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

5 kes baharu tempatan, 1 import

Kuala Lumpur: Enam kes baharu positif COVID-19 dicatatkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan 9,291 kes, manakala kes aktif dengan kebolehhajatan sebanyak 188.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tujuh kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif 8,978 kes atau bersamaan 96.6 peratus daripada keseluruhan kes.

"Daripada enam kes baharu, satu adalah kes import yang mendapat jangkitan di Singapura membabitkan bukan warganegara. Kes import ini dilaporkan di Selangor.

"Semua lima kes penularan dalam negara adalah dalam kalangan warganegara Malaysia iaitu di Kedah membabitkan tiga kes daripada Kluster Tawar; satu kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) di Hospital Sultanah Bahiyah dan satu kes saringan bergejala di Hospital Sultanah Bahiyah.

Tiada pertambahan kes kematian dengan jumlah kumulatif sehingga ini ialah 125 atau 1.35 peratus.

Sehingga kini ada sembilan

kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) di mana enam kes memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham juga berkata, kementerian melaksanakan pelbagai intervensi kesihatan awam sebagai strategi mengekang penularan jangkitan COVID-19 membabitkan Kluster Tawar; termasuk menjalankan aktiviti pencegahan penularan jangkitan dengan kerjasama pelbagai agensi.

Beliau berkata, langkah holistik diambil berikutan penularan jangkitan COVID-19 membabitkan Kluster Tawar terutama di Kedah yang merekodkan 85 peratus daripada kes positif klus-

ter berkenaan.

"Langkah diambil adalah mempertingkatkan aktiviti pengesanan kes secara aktif, serta mempertingkatkan penguatkuasaan pematuan prosedur operasi standard (SOP).

"Selain itu, penutupan sekolah dan premis yang terbabit untuk menjalankan aktiviti nyahkuman dan nyahcemar serta mempertingkatkan komunikasi risiko termasuk memaklumkan situasi terkini COVID-19 di kawasan terjejas melalui media massa.

Sebanyak 4,051 individu disaring di Kedah, Pulau Pinang dan Perak sehingga jam 12 tengah hari semalam bagi mengesan rantaian penularan jangkitan yang berpunca daripada Kluster Tawar.

Katanya, kluster berkenaan masih aktif susulan terdapat tiga kes baharu direkodkan semalam, menjadikan keseluruhan 73 kes positif dikesan.

"Di Kedah sahaja, 3,514 individu disaring. Sebanyak 62 kes dikesan positif COVID-19, manakala 2,884 individu didapati negatif. Lagi 568 individu masih menunggu keputusan," katanya.

 **Daripada enam kes baharu, satu kes import mendapat jangkitan di Singapura membabitkan bukan warganegara.**

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL



'Lega rasanya...'

Penduduk Kuala Sanglang bersyukur dapat kembali jalani aktiviti harian

PENDUDUK menghantar anak mereka ke sekolah di dalam kawasan Kuala Sanglang selepas Temco ditiyhtarkan tamat, semalam.



PADEMNIK COVID-19

Oleh Dziaul Afnan Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kangar

"Alhamdulillah, kami boleh melakukan kembali aktiviti harian." Itu luahan rata-rata penduduk Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul dekat sini selepas Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di kawasan mereka tamat, semalam.

Seorang daripadanya, Ismail Saad, 64, berkata, dia kini dapat membuka kembali kedai runcitnya dan menambah pendapatan selepas berkurang serta makan ala kadar ketika tempoh Temco.

Katanya, dia sangat berharap penduduk mematuhi

amalan norma baharu dan penjarakan fizikal ditetapkan supaya tidak berlaku lagi penularan wabak Covid-19.

"Ketika Temco, kami sangat gusar kerana bekerja sendiri sebagai peniaga dan petani. Bagaimana dengan kehidupan jika tidak bekerja dan harap bantuan sahaja?"

"Syukur hari ini (semalam) Temco berakhir dan boleh kembali membuka kedai," katanya, semalam.

Bagi Saadiah Baharom,

58, dia membersihkan kedai makannya sejak Sabtu sebelum dibuka kepada pelanggan.

"Memang sangat bersyukur, walaupun pada mulanya takut sebab wabak menular. Tetapi selepas pesakit terbabit pulih, saya lega.

"Saya dapat kembali melakukan aktiviti harian seperti biasa," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kangar, Superintendan Wari Kiew berkata, batu penghadang yang me-

Sekatan jalan raya ditutup sepenuhnya

Alor Setar: Sekatan jalan raya (SJR) di semua kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di empat mukim di Kubang Pasu dan Padang Terap ditutup sepenuhnya, semalam.

Ketua Polis Kedah Datuk Hasanuddin Hassan mengesahkan perkara itu. Sekatan itu dibuka bermula 3 Ogos lalu selepas Kluster PUI Sivagangga merebak di Naph, Kubang Pasu hingga ke Padang Sana di Padang Terap.

SJR bertujuan mengawal aktiviti keluar masuk penduduk di kawasan Temco bagi mengelak penularan Covid-19.

Kawalan anggota polis yang dibantu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan penamatan Temco di Kubang Pasu dan Padang Terap, kelmarin selepas mengambil kira tiada kes jangkitan baharu dan semua penduduk selesai menjalani saringan Covid-19.

Kementerian Kesihatan menyaring 1,397 penduduk di Kampung Sanglang dan Kampung Tanah Timbul serta lebih 7,000 penduduk di Kubang Pasu dan Padang Terap.

nutup jalan masuk ke dua kampung berkenaan dialihkan jam 12 tengah malam, semalam.

"Kerja pengalihan dilakukan pada malam dan semua penduduk membuka gelang merah jambu secara berperingkat mengikut arahan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perlis.

"Penduduk diingatkan terus mematuhi arahan pencegahan Covid-19 dan mengikut SOP ditetapkan," katanya.

Rekod enam lagi kes baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak enam kes baharu Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 9,291 kes dengan 188 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, satu kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di Singapura membabitkan individu bukan warganegara dilaporkan di Selangor.

"Daripada lima kes dalam negara, tiga kes daripada Kluster Tawar, satu kes Severe Acute Respiratory Infection (SARI) di Hospital Sultanah Bahiyah

dan satu lagi kes membabitkan saringan bergejala di Hospital Sultanah Bahiyah," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ada sembilan kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi dengan enam kes memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, tujuh kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya 8,978 kes atau 96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Menurutnya, tiada pertambahan kes kematian Covid-19 dilaporkan semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 125 kes.

17,000 balik dari luar negara dikuarantin

Putrajaya: Lebih 17,000 individu yang pulang ke negara ini melalui pintu masuk sempadan antarabangsa ditempatkan di 65 hotel dan lima Institut Latihan Awam (ILA) di 12 negeri dan wilayah, atau dirawat di hospital sejak sebulan kuarantin wajib di stesen kuarantin dikuatkuasakan semula.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, 7,419 individu masih menjalani proses kuarantin wajib, manakala 56 individu dihantar ke hospital untuk rawatan.

Beliau berkata, 9,562 individu didiscaj dan dibenarkan pulang.

"Sejak 24 Julai sehingga 25 Ogos 2020, 17,037 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan ditempatkan di 65 hotel dan lima ILA di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Te-

rengganu dan Labuan.

"Mereka pulang dari 32 negara, iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, United Kingdom (UK), Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat," katanya.

Ismail Sabri berkata, kelmarin, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memeriksa 298 individu yang menjalankan kuarantin wajib 14 hari di rumah masing-masing dan semua individu yang dikuarantin mematuhi SOP ditetapkan.

Beliau berkata, PDRM bersama petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa membuat pemeriksaan dan memantau terhad individu

terbabit bagi memastikan SOP dipatuhi.

9,562 individu didiscaj dan dibenarkan pulang


AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kosmo! KHAMIS 27 OGOS 2020

Negara!

5

Covid-19 #kitamestimenang



Tiga beradik merupakan anak seorang wanita positif Covid-19 bagi Kluster Tawar

Tiga kanak-kanak mangsa baharu

Oleh SITI A'ISYAH SUKAMI

PUTRAJAYA - Tiga kanak-kanak iaitu dua lelaki dan seorang perempuan di Sungai Petani, Kuala Muda di Kedah antara tiga kes baharu Covid-19 membabitkan Kluster Tawar semalam.

Dua daripada kanak-kanak tersebut bergejala dan ketiga-tiga mereka berusia lima, lapan serta 10 tahun dan merupakan anak kepada kes ke-9,128 membabitkan seorang wanita yang dilaporkan positif Covid-19 pada 13 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kes baharu

Kluster Tawar itu menjadikan jumlah kes dikesan positif Covid-19 dalam kluster tersebut sebanyak 73 kes.

"Seramai 4,051 orang telah disaring di Kedah, Pulau Pinang dan Perak, manakala pelbagai intervensi kesihatan awam dijalankan termasuk aktiviti pencegahan penularanangkitan dengan kerjasama pelbagai agensi lain," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, dua lagi kes penularan tempatan pula membabitkan satu kes jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan satu lagi kes saringan bergejala, masing-masing di Hospital Sul-

tanah Bahiyah.

"Sementara itu, satu kes import yang dilaporkan semalam membabitkan warga asing yang mendapat jangkitan di Singapura," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, dua lagi kluster ditamatkan semalam menjadikan sebanyak 91 jumlah kluster tamat sehingga kini.

Katanya, kluster yang ditamatkan itu membabitkan Kluster Bukit Tiram di Johor Bahru, Johor dan Petaling, Selangor serta Kluster Mambong di Kuching dan Samarahan, Sarawak. "Kluster Bukit Tiram ini membabitkan jumlah sebanyak 10 kes dilaporkan merangkumi

enam warga Malaysia dan empat warga asing.

"Pada masa sama, Kluster Mambong pula membabitkan tujuh kes dilaporkan iaitu lima warga Malaysia dan dua warga asing. Tiada kes kematian dilaporkan bagi kedua-dua kluster tersebut," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak tujuh kes telah pulih Covid-19 semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya sebanyak 8,978 kes.

Selain itu, katanya, sebanyak sembilan kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan enam kes memerlukan bantuan pernafasan dan tiada pertambahan kes kematian semalam.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	6
Import: 1 Tempatan: 5	
• Pulih	7
• Kematian	0
• Masih dirawat	188
• Jumlah kes sembuh	8,978
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,291



SEKOLAH Kebangsaan Ambangan Heights, Sungai Petani diarah tutup selepas terdapat muridnya disahkan positif Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Murid sekolah rendah disaring

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI - Sebahagian murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ambangan Heights di sini menjalani ujian saringan Covid-19 bagi Kluster Tawar di sekolah tersebut semalam.

Difahamkan, ujian saringan itu dilakukan secara berperingkat dengan semalam melibatkan murid tahun empat dan lima.

Seorang ibu yang mahu dikenali sebagai Norshahiza, 35, berkata, anaknya yang merupakan murid tahun empat diarahkan menjalani saringan Covid-19 selepas terdapat kes positif membabitkan pelajar sekolah itu.

"Hari ini saya hantar anak saya untuk buat ujian swab seperti diminta pihak sekolah," ka-

tanya ketika ditemui di pekarangan luar sekolah tersebut di sini, semalam.

Menurutnya, sebahagian pelajar sekolah itu telah menjalani saringan lebih awal iaitu pada 23 Ogos lalu.

"Kali ini ujian saringan mungkin akan dilakukan secara lebih menyeluruh melibatkan semua pelajar sekolah ini," ujarnya.

Seorang lagi waris yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 45, berkata, dia tidak menghantar anaknya ke sekolah sejak minggu lalu kerana bimbang dijangkiti.

"Saya rasa lebih selamat anak-anak duduk di rumah kerana dalam keadaan sekarang kita tidak dapat mengawasi cara pergaulan mereka dengan rakan-rakan di sekolah.

"Saya juga terkejut selepas dimaklumkan bahawa sekolah ditutup kerana terdapat pertambahan kes jangkitan dalam kalangan murid di sekolah ini baru-baru ini," ujarnya.

Difahamkan, sebahagian murid SK Ambangan Heights diminta menjalani ujian saringan Covid-19 di sekolah berkenaan semalam selepas dikatakan lima muridnya telah disahkan positif pandemik itu.

Sementara itu, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda menerusi Facebook rasminya pada 23 Ogos lalu memaklumkan SK Ambangan Heights ditutup sejak 22 Ogos lalu hingga 1 September depan untuk pencegahan penularan wabak Covid-19 bagi Kluster Tawar.

Amalan rekod suhu badan bercanggah

KUALA LUMPUR - Amalan merekod suhu badan ketika pemeriksaan di mana-mana premis perniagaan adalah bercanggah dengan tatacara yang dikeluarkan Jabatan Perundangan Data Peribadi (JPDP).

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata, kerangka tatacara yang dikeluarkan pada 29 Mei lalu bagi pengumpulan, pemrosesan, dan penyimpanan data peribadi oleh pemilik premis perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat tidak pernah menggariskan catatan suhu badan.

"Tatacara itu menggariskan bahawa premis perniagaan hanya perlu merekodkan nama, nombor telefon, tarikh dan masa kehadiran pengunjung.

"Ada sedikit kekeliruan, kalau kita pegi premis perniagaan dia menulis suhu badan, ini (sebenarnya) tidak wajib, dan mengikut advisory, (amalan) ini adalah salah.

"Jadi sekarang negara kita membuat amalan salah menulis suhu badan (ketika memasuki premis)," katanya ketika sesi Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Gobind Singh Deo (PH-Puchong) yang ingin tahu apakah aplikasi-aplikasi digital yang dilancarkan kerajaan semasa wabak Covid-19 untuk menjejak virus serta keberkesannya.

Dalam pada itu, ketika menjawab soalan yang sama, Zahidi berkata, tiada keperluan untuk negeri-negeri mewujudkan aplikasi lain selain aplikasi MySejahtera.



AMALAN merekod suhu di premis perniagaan adalah bercanggah dengan tatacara yang dikeluarkan kerajaan. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Lahirkan lebih ramai pakar kesuburan



Dr Adham (dua dari kanan) melihat proses penyimpanan pembekuan tisu ovari oleh Naib Canselor UKM, Prof Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor (kiri) di Auditorium Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM, Kuala Lumpur semalam.

Jadikan Malaysia tempat rujukan rawatan kesuburan rantau Asia Tenggara

KUALA LUMPUR

Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang kesuburan untuk menjadikan Malaysia sebagai antara destinasi pelancongan perubatan dan tempat rujukan rawatan kesuburan di rantau Asia Tenggara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kewujudan Pusat Reproduksi Maju (ARC) di Hospital Canselor Tunku Muhriz, Univer-

siti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pusat rujukan 'onkofertility' pertama di Malaysia merupakan permulaan yang baik terhadap usaha itu.

"Industri kesuburan merupakan satu daripada tiga bidang tertinggi dalam industri pelancongan kesihatan dan perubatan. Yang pertama melibatkan rawatan kardiovaskular (rawatan jantung), onkologi (kanser) dan fertility (kesuburan).

"Kerajaan menyambut baik kewujudan pusat rujukan pertama di Malaysia yang turut menyediakan perkhidmatan konservasi ataupun pembekuan tisu ovari.

"Sehubungan itu, kita menyarankan supaya pihak universiti bukan sahaja melahirkan bakat dalam bidang 'onkofertility' tetapi juga saintis yang boleh terlibat dalam bidang genetik dan kesuburan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pelancaran Persatuan Fertiliti Preservasi Malaysia (MSFP) dan Perkhidmatan Preservasi Tisu Ovari serta penamaan Pusat Reproduksi Maju (ARC) sebagai pusat rujukan 'onkofertility' pertama di Malaysia di

sini semalam.

ARC sebelum ini dikenali sebagai unit Medical Assisted Conception (MAC) dan ia bermula hanya daripada sebuah unit kecil yang menyediakan perkhidmatan pernianan beradas pada 1993 sebelum menawarkan dan menyediakan perkhidmatan bayi tabung uji 1997.

Unit MAC kemudian telah dinaik taraf pada 2011 sebagai salah satu pusat kecemerlangan hospital dan dalam tempoh tiga tahun terakhir, pusat itu secara purata telah menjalankan antara 300 hingga 350 kitaran bayi tabung uji dan 300 kes pernianan beradas.

Sementara itu, dalam ucapannya Adham berkata, perkhidmatan pembekuan tisu ovari - Ovarian Tissue Cryopreservation (OTC) - merupakan satu perkhidmatan baharu di Malaysia dan pelancaran itu merupakan langkah terbaik sebelum diperkenalkan secara menyeluruh di negara ini.

Beliau berkata, perkhidmatan OTC amat penting untuk seorang wanita yang menghadapi penyakit kanser bagi membolehkan tisu ovari digunakan semula selepas seseorang pesakit selesai mendapatkan rawatan kanser seperti kimoterapi. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Enam kes positif baharu

Melibatkan lima penularan tempatan, satu kes import dari Singapura

KUALA LUMPUR

Enam kes positif koronavirus (Covid-19) dilaporkan dalam tempoh 24 jam lepas dengan lima melibatkan penularan dalam negara, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak tersebut di negara ini sebanyak 9,291 kes.

Menurutnya, lima kes penularan dalam negara adalah dalam kalangan warga Malaysia di Kedah iaitu tiga kes daripada Kluster Tawar manakala masing-

masing satu kes Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dan kes saringan bergejala, kedua-duanya di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

"Daripada enam kes baharu yang dilaporkan, satu adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu Singapura yang melibatkan bukan warganegara. Kes import ini dilaporkan di Selangor," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, terdapat tujuh kes yang telah pulih Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada pandemik itu sebanyak 8,978 kes.

Sehingga kini katanya, terdapat sembilan kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan enam memerlukan bantuan pernafasan manakala tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan semalam.

Menyentuh mengenai Kluster



Kes jangkitan Covid-19 yang dicatatkan di Malaysia semalam.

Tawar, Dr Noor Hisham berkata, dengan pertambahan tiga kes kluster tersebut semalam, jumlah kes dikesan positif Covid-19 dalam Kluster itu adalah sebanyak 73 kes.

"Setakat 12 tengah hari tadi (semalam), keseluruhannya 4,051

orang telah disaring dalam kluster berkenaan di Kedah, Pulau Pinang dan Perak, di mana di Kedah 3,514 individu telah disaring dengan 62 kes dikesan positif, 2,884 individu didapati negatif manakala 568 masih menunggu keputusan.


"Di Pulau Pinang pula 526 telah disaring, 11 didapati positif, 513 negatif dan dua masih menunggu keputusan manakala di Perak kekal 11 saringan yang mana semua adalah negatif. Tiada saringan baharu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan telah menjalankan pelbagai intervensi kesihatan awam termasuk aktiviti pencegahan penularan jangkitan Covid-19 bagi Kluster Tawar bersama pelbagai agensi lain.

"Langkah ini diambil bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19 dalam kluster ini tertamanya di negeri Kedah yang telah melaporkan 85 peratus daripada kes positif kluster ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kementerian turut meningkatkan komunikasi risiko termasuk memaklumkan situasi terkini Covid-19 di kawasan-kawasan yang terjejas melalui media massa. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 27 OGOS 2020

5

Dalam Negeri



SARINGAN dalam kalangan penduduk adalah langkah yang diambil bagi mengekang pandemik itu Covid-19 di kawasan Tawar, Kedah.

Usaha kekang Kluster Tawar

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan bersama pelbagai agensi lain menjalankan pelbagai intervensi kesihatan awam dalam usaha memutuskan rantaian pandemik Covid-19 dalam Kluster Tawar.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, antaranya ialah meningkatkan aktiviti pengesanan kes secara aktif dan penguatkuasaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

“Selain itu, tindakan menutup sekolah dan premis untuk dinyah kuman dan nyah cemar serta menambah maklumat situasi terkini wabak itu kawasan-kawasan yang terjejas melalui media massa turut dilakukan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, terdapat tiga kes baharu dilaporkan bagi Kluster Tawar, justeru menjadikan jumlah kes dikesan positif dalam kluster tersebut sebanyak 73 kes.

“Sebanyak 4,051 orang

disaring dalam kluster ini sehingga pukul 12 tengah hari tadi (semalam). Sebanyak 62 kes dikesan positif, 2,884 individu negatif dan 568 individu masih menunggu keputusan.

“Sebanyak 526 individu disaring di Pulau Pinang dengan 11 kes dikesan positif, 513 individu negatif dan dua individu masih menunggu keputusan sementara di Perak kekal 11 saringan dengan semua keputusan adalah negatif,” jelasnya.

Dalam perkembangan sama, terdapat enam kes baharu yang dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 9,291 kes dengan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan adalah 188 kes.


Jelasnya, satu kes mendapat jangkitan di Singapura yang melibatkan bukan warganegara dilaporkan di Selangor.

“Lima lagi kes penularan di dalam negara adalah dalam kalangan warganegara Malaysia di Kedah dengan tiga kes daripada Kluster Tawar,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION



People buying necessities after the Targeted Enhanced Movement Control Order was lifted in Napoh, Kubang Pasu, yesterday. PIC BY AMRAN HAMID

LOCAL TRANSMISSIONS

5 OF 6 NEW COVID-19 CASES FROM KEDAH

Of the 5 cases, 3 are from Tawar cluster, 2 detected at hospital

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

SIX new Covid-19 cases were reported up to noon yesterday, with five local transmissions involving Malaysians in Kedah.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this brought the total number of cases in the country to 9,291.

He said three of the local cases were from the Tawar cluster, bringing the total infections involving the cluster to 73.

A total of 4,051 people linked to the cluster in Kedah, Penang and

Perak have been screened.

"In Kedah, out of 3,514 people screened, 62 were positive for Covid-19, 2,884 were negative and 568 are awaiting results.

"In Penang, out of 526 people screened, 11 tested positive, 513 tested negative and results are pending for two.

"In Perak, 11 screenings were conducted and were negative," Dr Noor Hisham said yesterday.

The two other local transmission cases in Kedah involved a severe acute respiratory infection patient at Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star and another person with symptoms who was tested at the same hospital.

Dr Noor Hisham said the ministry was proactively conducting public health intervention measures with other government agencies, including preventive steps to curb the spread of Covid-19.

"It is to stop the transmission chain, especially in Kedah, where 85 per cent of positive cases

are from the cluster. Field activities are continuous, including the screening of close contacts of Covid-19 cases.

"We are also taking steps to heighten active case tracing and enforcement on standard operating procedures.

"Schools (in the area) have been closed and premises affected have been disinfected and sanitised, and risk communication with people will be enhanced."

He said one of the six new cases was imported and was reported in Selangor. The patient contracted Covid-19 in Singapore.

He said there were no new deaths and the number of fatalities remained at 125.

There were 188 cases of active infectivity and all patients have been isolated and are being treated.

He said seven more patients had recovered from Covid-19 and nine patients were in the Intensive Care Unit, of which six required ventilator support.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

2 Nation

Not so fine for businesses

Group fears RM10,000 compound may drive customers away

By DIYANA PFORDTEN
and ASHLEY TANG
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Business associations are hoping the government will take into account the impact of higher fines on livelihoods and the economy for non-compliance with the Covid-19 standard operating procedure (SOP).

On Tuesday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah announced a proposal for the maximum fine for compoundable offences under Act 342 (Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988) to be raised from RM1,000 to RM10,000 had been submitted to Parliament.

Petaling Jaya Coffee Shop Association president Cheah Poo Kuang said with a heavier penalty, eateries would be the first to take the brunt as customers would potentially avoid eating out.

"We are just starting to recover from the movement control order (MCO), where earlier we could not operate at all.

Covid-19
Road to
recovery



"Business is only at about 40% to 50% of our pre-MCO capacity, so if fines are increased, people would simply choose not to dine in anymore," he said, adding that the current RM1,000 compound was already hefty.

"Not everyone can afford the RM1,000 fine, what more if it is raised to RM10,000."

Malaysia Retail Chain Association secretary-general Stan Singh-Jit believed that fines were not a sustainable way of fostering compliance.

"What's more important is constant enforcement by authorities so people know they will be immediately penalised for not adhering to the law," he said.

Stan reckoned that only with widespread enforcement and con-

tinuous education could a change of mindset and attitude towards hygiene and safety be instilled.

Association of Wedding Industry Malaysia promotion and event bureau chairman Ashraf Mansor said although a heavier fine might help discipline the public, people could simply choose to avoid public places to reduce the risk of getting fined.

"Events and weddings will be affected when people are afraid to go out as they can face a hefty penalty.

"I think RM10,000 is too heavy. It's equivalent to paying a downpayment for a car or a wedding dowry," he said, suggesting that it be increased to RM5,000 first.

Malaysians have also expressed disapproval on the matter, raising the issue of potential double standards in the enforcement of the law on "normal" citizens versus influential people.

Netizens suggested that heavier fines should be imposed on government representatives who flout the rules, and urged authorities to have

a clear guideline of the type of violations which can be fined.

Other countries are also taking violations of Covid-19 preventive rules seriously, with fines reaching thousands of dollars.

Oman has outlined a list of 20 Covid-19 violations, with those not wearing face masks potentially drawing a 100 Oman riyal (RM1,080) fine, while offences such as not having a special register to record the names of workers suspected of Covid-19 can draw compounds of up to 500 riyal (RM5,400).

In Saudi Arabia, fines up to 100,000 riyal (RM111,202) are imposed on those who violate social gathering rules, while those flouting quarantine rules could be fined up to 200,000 riyal (RM222,405).

In Australia, those breaking Covid-19 self-isolation orders could be fined up to A\$20,000 (RM60,000).

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Three new cases from Tawar cluster

PUTRAJAYA: The Tawar cluster is showing no signs of stopping, with another three new Covid-19 cases linked to it.

With 73 cases and spanning three generations, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said health intervention activities had been stepped up.

"Among these are increasing active case detection, beefing up enforcement on standard operating procedure compliance as well as closing schools and premises for disinfection and sanitisation.

"Preventive measures have been focused in Kedah, where 85% of the cases under the cluster have occurred," he said.

The Tawar cluster's index case (Patient 9,113) is a 53-year-old man who tested positive on Aug 12. He had attended a funeral on Aug 1 along with other family members.



As at noon yesterday, the ministry had screened 4,051 people linked to this cluster in Kedah, Penang and Perak, he said.

Kedah recorded 62 cases under this cluster while Penang reported 11 infections.

Eleven people have been screened in Perak and they all tested negative for the virus.

A total of 3,408 screened have tested negative, while 570 are still waiting for results.

The three new cases under this cluster were among the country's six new infections

announced by Dr Noor Hisham yesterday.

The sole imported case involved a non-Malaysian who arrived from Singapore. The remaining two local transmissions were detected in Alor Setar. They were found at Hospital Sultanah Bahiyah, of which one was a Severe Acute Respiratory Infection (SARI) patient while another was confirmed following a screening on symptomatic cases.

Malaysia has discharged seven more patients, bringing the total number of recoveries to 8,978 or at a rate of 96.6%.

The total number of active cases in the country is now at 188.

Nine people have been admitted to the intensive care unit, with six of them requiring ventilator support. No deaths were reported, which means the country's death toll remains at 125, or a 1.35% fatality rate.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : -

RUANGAN : FRONT PAGE

Is RM10,000 too much?

■ BY SHIVANI SUPRAMANI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A proposal to raise the fine for violating Covid standard operating procedures (SOP) from RM1,000 to RM10,000 has drawn mixed reactions.

Bar Council president Salim Bashir Bhaskara and Seputeh MP Teresa Kok think it is excessive but another lawyer, Kokila Vaani Vadiveloo, says it is reasonable.

Another MP, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who was health minister in the previous government, prefers to take a middle ground stance, suggesting that the figure be reduced to RM5,000 to make it more reasonable.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said on Tuesday that the proposal has already been submitted to the Dewan Rakyat.

Offenders are currently liable to a maximum compound fine of RM1,000 for failing to observe social distancing or

➤ Proposal to increase fine for violation of Covid SOP draws mixed reactions

not wearing face masks.

Salim said those who make such proposals must also take into consideration the practical reality, which is the economic hardship that the people are facing as a result of the pandemic.

"The proposal defeats the objective of prevention because violators may be unable to pay the fine. This would cause overcrowding in prisons and may likely heighten the risk of new infections," he told *theSun* yesterday.

He suggested that instead of making offenders pay higher fines that will be a burden to them, the public should be

educated on the importance of conforming to the SOP.

Kok described the proposal as "extremely harsh on the ordinary people".

"It will certainly escalate their financial burden, especially during this economic downturn," she said in a statement yesterday.

She also expressed fears that such high penalties would encourage abuse of power and compound corrupt practices.

Turn to
page 3

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

theSUN ON THURSDAY | AUGUST 27, 2020 **3**

NEWS WITHOUT BORDERS



Covid-19 fuels health awareness among Malaysians

- Majority expressed concern about the pandemic's long-term impact on the local economy and their personal wealth.
- Less than 41% perceived Covid-19 to become more severe in the next six months.
- There was pronounced increase in the use of digital technology during the pandemic, along with more regular management of personal finance.
- 49% found ways to be more physically healthy since Covid-19.
- 32% started tracking their mental health.
- Over the next 18 months, 37% will continue to maintain their physical health while 21% will keep tracking their mental status.
- 52% said the pandemic caused them to review and manage their personal finance.
- 63% plan to buy additional insurance in the next 18 months.
- 65% are willing to switch from offline to online shopping.
- 76% are open to using online services to pay for shopping and food.
- 66% are inclined to use online tools for news updates.
- 58% have no qualms socialising online.



[Source: Manulife Asia Care Survey] theSunGraphics © Kogulan

Note: Insights gleaned from a survey involving 300 insurance customers in Malaysia.

'RM10,000 reasonable'

From Front Page

"Rather than punish them, educate them on the importance of adopting preventive practices and measures to protect themselves."

However, Kokila said in order to curb the spread of infections, a RM10,000 fine is reasonable. "The current crisis is unique in its severity and harsh penalties and laws on restrictions are necessary to combat the pandemic."

Kokila pointed out that in Singapore, flouting the movement control order is punishable with heavy penalties under the Singapore Covid-19 Temporary Measures Bill. First time offenders can be fined up to S\$10,000 (RM30,450) and every subsequent offence would be met with a fine of S\$20,000 or jailed up to a year, or both.

She said it is best to have the proposal debated in Parliament.

The amount of the fine could be challenged in court and subject to the judge's discretion based on the facts of each case and mitigating factors.

Dzulkefly said a RM10,000 fine appeared "excessive" for a compoundable offence.

"In my view, it should not be a compoundable offence. The violator should be charged in court," he said.

However, he added it would be more reasonable to cap the fine at RM5,000. "It will be enough (to serve as) a deterrent but will not be too excessive, especially for those in the lower income group."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

4 theSUN ON THURSDAY | AUGUST 27, 2020
NEWS WITHOUT BORDERS

Efforts ramped up to contain Tawar cluster in Kedah

■ BY ELLY FAZANIZA
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Health Ministry is beefing up its health intervention campaign in the northern states to curb the spread of Covid-19 linked to the Tawar cluster.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in a statement yesterday the activities would be concentrated in Kedah as 85% of new cases were from the state.

Several new infections in neighbouring Penang and Perlis have also been linked to the cluster.

Noor Hisham said activities would include case detection, stricter enforcement of standard operating procedures as well as closure of schools and business premises for disinfection and sanitisation operations.

Those who have been in close contact with Covid-19 patients will also be screened.

The Tawar cluster has recorded 73 confirmed infections since the index case, a local man who is a trader, was identified on Aug 12.

He said a total of 4,051 individuals from the cluster have been screened.

There were six new cases reported nationwide as of noon yesterday.

One was a foreigner who had just arrived from Singapore. Of the five locally-transmitted cases, three were from the Tawar cluster, one had Severe Acute Respiratory Syndrome while the other was detected by screening of symptomatic cases.

With the new cases, the number of infections in the country now stands at 9,291.

Noor Hisham added there were now 188 active cases, with nine being treated in intensive care units. Six are on ventilator support.

There were no new fatalities reported yesterday, with the death toll at 125.

He added that seven patients have since been discharged, bringing the number of recoveries to 8,978.